


# Pelan Jangka Panjang Atasi Banjir Di Kajang

by Hiiau FM 4:50 PM
0 comments

HARAKAHDAILY | 05 Januari 2015.

**KUALA LUMPUR: Isu banjir kilat yang berulang di Bandar Kajang telah menyebabkan kawasan premis perniagaan dan Pasar Kajang ditenggelami air sedalam satu meter sehingga mengganggu aktiviti harian dan kehidupan sosial penduduk.**

Banjir kilat telah berlaku pada sekali pada tahun 2011 iaitu pada 2 Disember 2011 dan tiga kali pada tahun 2014 iaitu pada 29 September, 12 November dan 20 Disember

Archive

► 2018 (1)
► 2016 (462)
▼ 2015 (1459)
► December (132)
► November (144)
► October (97)
► September (129)
► August (121)
► July (120)

2014 dalam tempoh 30 minit hingga dua jam.

Pengerusi Jawatanluasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Indsutri Asas Tani negeri, Zaidy Abdul Talib berkata antara faktor yang menyumbang kepada kejadian banjir tersebut adalah disebabkan oleh hujan yang lebat dan berterusan, kapasiti sungai yang tidak mencukupi, sekatan dan rintangan serta sampah sarap dan juga pembangunan tanah di bahagian hulu.

Justeru, katanya pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) telah dan akan melaksanakan kerja-kerja di tapak iaitu pembaikan tebing Sungai Jeluh di Taman Sri Jelok dengan kos RM20,000 yang telah siap pada November 2014, penyelenggaraan tebing dan pembaikian flap gates dengan kos RM40,000 dan telah siap pada November 2014, pembinaan Flood Wall sepanjang 54 meter dengan kos RM50,000 dan telah siap pada Disember 2014, dan pembaikan selekoh S dengan kos RM1.5 juta.

Katanya, proses tender dan kerja-kerja akan dilaksanakan pada 2015.

Tambahnya, pihak JPS juga telah merancang bagi melaksanakan kerja untuk pelan jangka pendek iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jeluh (Fasa 3) dengan kos RM3.0 juta, pembinaan sambungan Flood Wall dari Jambatan JPS Pasar ke Jambatan JKR Jalan Bukit sepanjang 50 meter, penyelenggaraan kolam takungan di Taman Saujana Impian dengan 2 nos dan di Taman TTDI Kajang dengan 1 nos, pembinaan Gross Pollutant Trap (GPT), penyelenggaraan sistem saliran bandar, dan pembinaan sistem amaran banjir dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM5.5 juta.


► June (120)

► May (141)

► April (113)

► March (88)

► February (119)

▼ January (135)

Tegak Pemerintahan Islam Asas Walak Kesetiaan Kepa...

Tahniah : Bekas Pelajar PASTI Cemerlang STAM

KERAJAAN GAGAL KOTA JANJI KEPADA MANGSA TSUNAMI

Kenyataan Media PAS

Menurutnya lagi, bagi pelan jangka panjang, pihak JPS telah menyenaraikan beberapa kerja seperti menaiktarafkan kolam takungan seluas 4.5 ekar di Penjara Kajang, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jeluh (Fasa 4), menaiktaraf jambatan dan utiliti, pembinaan struktur kawalan air, dan menaiktaraf sistem saliran bandar dan GPT.

"Diharapkan setelah selesai semua projek-projek ini, ianya mampu untuk mengelakkan dari berlakunya banjir seperti sebelum ini," ujarnya. - **HARAKAHDAILY 5/1/2015**

---

About author:
Hijau FM
Beristiqamah Hingga Kemenangan

No related post available


0 comments:

Enter your comment...



Comment as: Syahrul Sazli S

Publish Preview


Sabah : Pemburuan Haram

1MDB- Di Mana Bank Negara dan PAC?

PLAYSAFE

PEMERIKSAAN KE ATAS SEMUA PROJEK PERUMAHAN RAKYAT ...

Sempadan Sabah: Kenyataan Media PAS Sabah

Pra Syarat Kemenangan Kita 002

YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI,